

**Jurnal Qiraat**

Fakulti Pengajian Peradaban Islam,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang Selangor
2022, VOL 5, Bil 2, Halaman 67- 78

Kaedah Penulisan Hamzah : Kajian Perbandingan Menurut Kaedah Rasm Uthmani Dan Penulisan Jawi

[Hamzah's Writing Method: A Comparative Study According To Uthmani Rural Methods And Jawi Writing]

‘Arifah Mursyidah Illiashaq¹ & Muhammad Fairuz A.Adi².

^{1 2}Jabatan Tahfiz Al-Quran dan Al-Qiraat, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 43000, Selangor, Malaysia. E-mail : 19MT08006@kuis.edu.my, fairuz@kuis.edu.my.

* Penulis Penghubung: ‘Arifah Mursyidah Illiashaq, Jabatan Tahfiz Al-Quran dan Al-Qiraat, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 43000, Selangor, Malaysia. E-mail : 19MT08006, No. Tel (+60)11-3227 8848

ABSTRACT

The Uthmani Rasm writing method is a method used in the writing of the Qur'an during the reign of Caliph Uthman Ibn Affan. The method used is very special because this method is able to celebrate the entire qiraat as well as reading errors that exist during the revelation of the Qur'an itself. Along with the expansion of Islamic territory, the writing of the Quran became the basis for the form of writing for a civilization, especially in Southeast Asia, until the Jawi script was introduced. Jawi writing and al-Quran writing have almost the same form because the Jawi letters are based on the Hijaiyyah letters. Therefore, this study was conducted to identify the basis of the debate for writing hamzah according to Rasm Uthmani method and according to Jawi writing method. In addition, this study also aims to give exposure to the community of the uniqueness and difference of hamzah writing for both writings in addition to being an added value for tahfiz teachers and KAFA teachers (Al-Quran and Fardhu Ain Classes) in their efforts to introduce the writing of al -Quran and Jawi. This study uses qualitative methods and research instruments in the form of data collection based on library research on primary and secondary sources to meet the necessary findings. The findings highlighted by the researcher are in the form of historical and comparative studies. The data that has been found will be collected, analyzed and separated into categories based on the views of Ulama' Rasm and scholars, taking into account the point of practice and pronunciation. The results of this study found that the methods of writing and implementation are different despite using the same letters. The Hamzah method in the Qur'an focuses more on the position of the hamzah and the row of the hamzah letter and the previous letter to determine the surah (house) that will be written on it, while the Hamzah letter in Javanese writing is more about the writing of the hamzah letter in terms of its position based on the consonant sound when saying the word . Overall, this study shows that even though the hamzah letters are used in both writings, they are different and unique from each other.

Keywords

Rasm Uthmani , Kaedah al-Hamz, Jawi , Metode

ABSTRAK

Kaedah penulisan Rasm Uthmani merupakan kaedah yang digunakan di dalam penulisan al-Quran semasa pemerintahan khalifah Uthman Ibn Affan. Kaedah yang digunakan sangat istimewa kerana kaedah ini mampu meraikan keseluruhan qiraat serta khilaf bacaan yang wujud semasa penurunan al-Quran itu sendiri. Seiring dengan perluasan wilayah Islam, penulisan al-Quran ini menjadi dasar kepada bentuk penulisan bagi sesebuah tamadun khususnya di Asia tenggara sehingga diperkenalkan Tulisan Jawi . Penulisan Jawi dan Penulisan al-Quran mempunyai bentuk yang hampir sama kerana huruf-huruf Jawi adalah berpandukan kepada huruf-huruf Hijaiyyah. Justeru itu kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti sandaran perbincangan bagi penulisan hamzah mengikut kaedah Rasm Uthmani dan mengikut kaedah penulisan Jawi. Selain itu kajian ini juga bertujuan memberi pendedahan kepada masyarakat keunikan serta perbezaan penulisan hamzah bagi kedua-dua penulisan disamping menjadi nilai tambah bagi guru-guru tahfiz dan guru-guru KAFA (Kelas al-Quran dan Fardhu Ain) dalam usaha mereka untuk memperkenalkan penulisan al-Quran dan Jawi. Kajian ini menggunakan metode kualitatif dan instrumen kajian berbentuk pengumpulan data berdasarkan kajian perpustakaan terhadap sumber utama serta sumber sekunder bagi memenuhi dapatan yang diperlukan. Dapatan yang diketengahkan oleh pengkaji adalah berbentuk historis dan kajian perbandingan. Data yang telah dijumpai akan dikumpul, dianalisis dan diasingkan mengikut kategori berdasarkan pandangan Ulama' Rasm dan para cendekiawan dengan mengambil kira dari sudut pengamalan dan antonasi sebutannya. Hasil daripada kajian ini mendapati kaedah penulisan serta pelaksanaannya meskipun menggunakan huruf yang sama metode yang diketengahkan adalah berbeza. Kaedah Hamzah di dalam quran lebih berfokus kepada kedudukan hamzah dan baris huruf hamzah serta huruf sebelumnya bagi menetapkan surah (rumah) yang akan ditulis padanya, sedangkan huruf Hamzah di dalam tulisan Jawi perbincangannya lebih kearah penulisan huruf hamzah dari segi kedudukannya berdasarkan konsonan bunyi ketika menyebut kalimah. Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan meskipun huruf hamzah diguna pakai di dalam kedua-dua penulisan, namun kupasannya berbeza dan unik antara satu sama lain.

Keywords

Rasm Uthmani, Kaedah al-Hamz, Jawi, Metode

1.0 PENDAHULUAN

Masyarakat Islam secara umumnya ma'ruf dengan bentuk serta sebutan kalimah yang ada di dalam al-Quran. Buktinya tulisan Jawi yang merupakan asimilasi dari huruf-huruf Hijaiyyah di dalam al-Quran menjadi suatu kebanggaan dan identiti masyarakat Islam di Nusantara. Bukan itu sahaja sehingga kini tulisan Jawi dijaga dan dilestarikan sistem penulisannya oleh Pedoman Ejaan Jawi. Dewan Bahasa dan Pustaka (Ahmad Faisal bin Abdul Hamid, 2014). Meskipun hamzah diguna pakai di dalam kedua-dua penulisan ini, tahap pengetahuan masyarakat umum berkenaan dengan sistem ejaan Jawi yang telah dikemas kini rata-ratanya masih lagi lemah. (Ahmad, 2015) serta kesalahan penulisan yang melibatkan kosa kata hamzah dalam penulisan bahasa Arab juga seringkali dilakukan. (Osman, 2019)

Kertas ini akan menyentuh tentang bentuk-bentuk penulisan hamzah yang diguna pakai di dalam kaedah Rasm Uthmani dan perbandingannya di dalam penulisan Jawi serta sandaran yang menjadi batu asas kepada penulisan tersebut.



2.0 DEFINISI AL-HAMZ

Hamzah atau al-Hamz dari sudut bahasa membawa maksud tekanan atau penolakan, manakala dari sudut istilah membawa erti sebutan dan pertuturan dengan huruf hamzah (Lembaga Pengawalan Pelesenan Percetakan al-Quran, Kementerian Dalam Negeri 2012). Berpandukan kepada definisi ini, maka tidak hairanlah mengapa hamzah turut dikategorikan sebagai salah satu huruf yang sukar dari sudut sebutan berbanding dengan huruf-huruf hijaiyyah yang lain (Felza Zulhibri Abd Hamid, 2021). Hal ini adalah disebabkan makhraj bagi huruf hamzah ini merupakan terletak paling jauh daripada makhraj huruf hijaiyyah yang lain iaitu di pangkal kerongkong. Bertitik tolak dari permasalahan ini, menyebabkan kebanyakan orang arab lebih cenderung untuk meringankan sebutan huruf hamzah mengikut lajah bani tamim dan bani Quraisyh (Hamid G. Q., 2016).

3.0 ASAL USUL HURUF HAMZAH

Huruf hamzah merupakan huruf yang termasuk di dalam kumpulan huruf yang makhraj sebutannya berasal dari kerongkong (al-Halq) (al-Anṣārī, 1998) selain turut dikenali sebagai huruf alif yang berbaris (*al-alif al-mutaharrikah*). Hal ini disebabkan kerana huruf alif pada asalnya merujuk kepada huruf mad yang tidak berbaris dan tanda hamzah itu sendiri adalah hasil pemurnian yang dilakukan pada zaman al-Khalil b Ahmad al-Farahidi al-Basri (Damrah, 2008).

Disebabkan hamzah terkandung di dalamnya sifat *iṣmat*, iaitu anggota makhraj yang terlibat ketika sebutan huruf sekitar didalam mulut sehingga kerongkong. Sifat inilah yang menyebakan sesuatu huruf itu sukar disebut sehingga di kelaskan hamzah sebagai salah satu huruf yang susah di sisi orang arab sendiri. (Hamid G. Q., 2016). Selain daripada itu juga, hamzah memiliki sifat *infītāh* (regangan dan bukaan antara lidah dan langit ketika menyebut huruf), sifat *istifāl* iaitu lidah direndahkan secara mendatar ketika menyebutnya, sifat *syiddah* (suara tertahan akhibat tekanan yang dihasilkan ketika menyebut) dan sifat jahr iaitu nafas yang tertahan apabila menyebut huruf tersebut ('Alī Ibn-Muḥammad an-Nūrī aṣ-Ṣafāqīsī, 1974).

Khilaf ulama' dalam membahaskan soal asal usul bentuk hamzah dan hal ini telah disebut di dalam kitab karya Dr Muhammad Salim Muhaisin, *Irsyadul Thabil fi Dhabbitil kitab al-Mubin*. Di dalam kitab ini ada menjelaskan pandangan ulama berkenaan dengan asal usul hamzah. Mazhab pertama mengatakan tanda asal bagi hamzah adalah tanda titik bulat (.) seperti penulisan *Nuqt I'jām*¹ sama ada dalam keadaan di baca secara jelas bunyinya mahupun secara ringan (tashil) manakala mazhab kedua pula mengatakan asal usul hamzah itu adalah diambil daripada kepala huruf ain (ع) yang telah dibuang ekornya. (Muhaisin, 2012).

Kedudukan tanda hamzah akan berubah-ubah mengikut situasi melihat pada baris huruf hamzah sendiri serta baris huruf sebelum huru hamzah.

4.0 DEFINISI KAEDAH RASM UTHMĀNI

Rasm merupakan salah satu perkataan bahasa arab yang membawa maksud kesan dan istilah ini digunakan oleh orang arab dalam menggambarkan suatu kesan peninggalan yang ditinggalkan (Mustafa, 1960). Menurut Bahasa *Rasm* membawa maksud menulis, merangka, melukis dan menggaris yang merupakan kata terbitan dari kalimah رِسْم

¹ Nuqt I'jam merujuk kepada penulisan titik yang merujuk kepada tanda baca yang dicipta bagi membezakan satu huruf dengan huruf yang lain (yang sama bentuknya) seperti huruf Jim, Ha, Kho, ra' atau zhai dan sebagainya. Rujuk *Irsyadul Thalibin Ila Dhabbitil Kitab al-Mubin* karya Doktor Muhammad Salim Muhaisin.2012 dan jurnal terbitan Malaysian Journal for Islamic Studies. Universiti Sultan zainal Abidin yang bertajuk *Rasm Uthmani: Perbandingan Prinsip al-Hazf dalam al-Quran al-Karim dan Quran Majid* karya Zamri Rajab, Muhd Rusli Ismail dan Ahmad Amir Khan Shah Ahmad @ Mohammed. 2021



رِسْمًا, (Arab League Educational, 1999) Manakala dari sudut istilah pula merujuk kepada kaedah dan cara penulisan kalimah al-Quran yang dipersetujui semasa penulisan semula al-Quran di zaman khalifah Uthman Ibn Affan (El-Qadhi, 1999). Bukan itu sahaja, dinamakan Rasm Uthmani adalah disebabkan kenapa penulisannya sendiri di laksanakan dan diperkenalkan semasa zaman pemerintahan Khalifah keempat ini (Syair, t.th).

Para ulama besar juga turut memberikan pandangan berkenaan dengan definisi *Rasm Uthmani*, antaranya, di sisi Ibnu Khaldun, Rasm Uthmani membawa pengertian sebagai kaedah penulisan kalimah al-Quran yang berpaksikan kepada kaedah khusus Rasm Uthmani dan penulisan ini bukanlah seperti penulisan Bahasa Arab biasa yang lebih berbentuk ortografi² (Ibn Khaldun, 1957). Seterusnya pandangan dari Syakh Muhammad al-Dabba turut menyimpulkan bahawa Rasm Uthmani adalah suatu gagasan ilmu yang menjelaskan perbezaan penulisan yang digunakan di dalam Mushaf Uthmani dengan penulisan Imlai'e³ (al-Dabba', 1999). Terdapat enam kaedah yang disepakati dan digunakan semasa penulisan semula al-Quran di zaman Uthman Ibn Affan, iaitu *Hazf*⁴, *Ibdal*⁵, *Hamzah*⁶, *Ziyadah*⁷, *Maqtu' wa Mausul*⁸ dan *Mā fi hi Qirā'atān*⁹ (as-Suyuti, 1897). Kajian ini akan menyentuh satu aspek penulisan sahaja iaitu penulisan hamzah serta perbezaannya dengan penulisan hamzah di dalam tulisan Jawi.

5.0 PENULISAN JAWI

Penulisan Jawi merupakan penulisan yang amat sinonim dengan kehidupan masyarakat di Asia Tenggara di mana di awal kemunculannya lebih berbentuk kepada tujuan peribadi dan tidak disebar untuk kegunaan umum. Penggunaannya lebih mesra dengan masyarakat Melayu yang telah mengasimilasikan huruf-huruf al-Quran kepada huruf-huruf Jawi dengan penambahan beberapa huruf. Huruf yang terlibat adalah huruf Ga, Cha, dan Nya (Rahimah Embong, 2019) Antara kitab yang awal menggunakan ejaan Jawi adalah kitab *Bustan al-Katibin* karangan Raja Haji Ali, yang merupakan seorang penasihat kepada Yang Dipertuan Muda Riau, berketurunan Melayu –Bugis dan mempunyai darah bangsawan Johor-Riau (Ahmad Faisal bin Abdul Hamid, 2014). Karya beliau ini tidak disebar

² Ortografi membawa maksud satu norma ejaan, tanda sempang, permodalan, kata rehat, penekanan dan baca berdasarkan standard Bahasa yang betul mengikut bunyi. Capaian dari <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=ortografi> bertarikh 13 September 2022.

³ Resm Imlai merupakan resm penulisan Bahasa Arab standard. Trut dikenali sebagai Resm Qiyasi. Penulisan ini berteraskan kaedah sebutan dan ejaan huruf dan pada dasarnya digunakan untuk tujuan berkomunikasi dan penyampaian maklumat dari sudut muamalat dan segala aktiviti yang berkaitan dengan aktiviti sosial dalam masyarakat Arab. Rujukan daripada satu jurnal bertajuk *Mushaf Imlai' dan Implikasinya dalam pembacaan al-Quran*, Jurnal tulisan Daud Ismail dan Asyraf Hj Ab Rahman yang diterbitkan pada tahun 2016 di bawah *Ulum Islamiyyah Journal*, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

⁴ Hazaf membawa maksud gugur atau hanya pada sebutan akan tetapi tidak pada tulisan. Huruf-huruf yang digugurkan itu terbahagi kepada lima iaitu huruf alif, ya', wau, lam dan nun. Rujuk *Muyassar fi Ilm Rasm Mushaf wa dhathuhu* karya Sheikh Ghanim Qadduri al-Hamid, 2016.

⁵ Ibdal membawa maksud kalimah yang terdapat pada mushaf ditukarkan kepada huruf yang lain atau penulisan yang ditulis tidak mengikut rumuz huruf yang ditulis di dalam kitab-kitab Arab. (*Ibid*)

⁶ Hamzah merupakan salah satu huruf hijaiyyah dan merupakan satu dan merupakan huruf pertama mengikut tertib susunan huruf berdasarkan makhraj. Hamzah pada awalnya belum mempunyai sebarang tanda dan hanya muncul setelah al-Khalil bin Ahmad al-Farahidi memperkenalkan tanda hamzah. Rujuk *Irsyadul Thalibin Ila Dhartil Kitab al-Mubin* karya Doktor Muhammad Salim Muhaisin. 2012

⁷ Ziyadah membawa maksud huruf yang ditulis pada penulisannya akan tetapi tidak disebut pada sebutannya sama ada Ketika wasal mahupun waqaf (*Loc.cit*)

⁸ Maqtu' wa Mausul pula membawa maksud penulisan kalimah yang ditulis secara bersambung dan bercerai dengan huruf selepasnya. Rujuk *Muyassar fi Ilm Rasm Mushaf wa dhathuhu* karya Sheikh Ghanim Qadduri al-Hamid, 2016.

⁹ Ma fi qiraatan membawa maksud penulisan kalimah yang mempunyai dua bacaan tidak akan dihipunkan penulisannya di dalam mushaf yang sama. Rujuk *Kaedah Penulisan Rasm Uthmani*, terbitan Kementerian Dalam Negeri, Lembaga Pengawalan Percetakan Perlesenan al-Quran. 2012



secara umum, namun di sisi sejarawan beliau diukir sebagai antara pelopor awal dalam penulisan Jawi di tanah Melayu.

Bukan itu sahaja, antara tokoh yang masyhur di peringkat awal penulisan Jawi ialah Syeikh Ahmad al-Fatani. Penulisan pada waktu ini hanya digunakan untuk mentashih semula kitab-kitab di Asia Barat yang menggunakan tulisan Jawi sebagai bahasa pengantarnya (Shaghir, 2005). Setelah itu, penulisan Jawi mula berubah mengikut kaedah Mejar Dato Haji Mohd Said Sulaiman semasa kebersamaannya di bawah Persatuan Bahasa Melayu Persuratan Buku-Buku Diraja Johor (P.Bm P.B). Kaedah ini lebih dikenali sebagai Jawi Pakatan sebelum sistem ejaan Za'aba diperkenalkan oleh Pendeta Za'aba dan menjadi amalan hingga kini (Latif, 2014)

6.0 PENULISAN HURUF HAMZAH MENURUT RASM UTHMANI

Hamzah di dalam penulisan Rasm uthmani terbahagi kepada dua bahagian utama iaitu *Hamzah Qat'*, dan *Hamzah wasl* (Ghani, t.th). Berikut akan dijelaskan dengan lebih lanjut pembahagian hamzah.

6.1 HAMZAH QAT'

Hamzah Qat' membawa maksud huruf hamzah yang berbaris, ditulis dan dilafazkan dan terletak di awal kalimah, mahupun di pertengahan kalimah atau di akhir kalimah (al-Asmar, t.th). Pembahagian huruf hamzah ini boleh untuk kita kategorikan kepada tiga kelompok besar, iaitu *hamzah qat'* di awal kalimah, *hamzah qat'* di pertengahan kalimah dan hamzah qata' di akhir kalimah (Awing, 2018). Berikut merupakan perbincangan secara lanjut :

6.1.1 Hamzah Qat' Di awal kalimah

Bagi huruf hamzah yang terletak di awal kalimah, terdapat dua situasi akan ditulis rumah hamzah tanpa mengira baris hamzah tersebut.

- I. Huruf hamzah yang ditulis di awal surah (tanpa didahului huruf tambahan)

Rajah 1: Contoh kalimah bagi huruf hamzah yang ditulis di awal kalimah

BIL	KALIMAH	KATEGORI
1	أَسْمِعْ	Huruf hamzah di awal kalimah yang akan ditulis dengan rumah alif.
2	إِيَّاكَ	
3	أَوْلِيكَ	

- II. Huruf hamzah yang diselangi dengan huruf tambahan

Rajah 2: Contoh kalimah bagi huruf hamzah yang diselangi dengan huruf tambahan.

BIL	KALIMAH	KATEGORI
1	سَأَصْرِفُ عَنْ	Huruf hamzah di awal kalimah yang



2	بِالْإِيمَانِ	akan ditulis dengan rumah alif.
3	فَالْأَمَةِ	

6.1.2 Huruf Hamzah Qaṭ’ Di Pertengahan kalimah

Bagi *hamzah qaṭ’* di pertengahan kalimah terdapat beberapa keadaan yang menjadi perbincangan. Bagi penulisan huruf hamzah di pertengahan kalimah, penulisan rumah hamzah adalah berpandukan kepada baris hamzah itu sendiri dan baris huruf yang terletak sebelum huruf hamzah. Berpandukan kaedah asas penulisan hamzah bagi tingkatan kekuatan baris di sisi ilmu kalam adalah Baris kasrah, diikuti baris dhommah dan diakhiri dengan baris fathah, (Jalil, 2021)
 Berikut adalah pembahagiannya (Hamid G. Q., 2016):

Rajah 3: Contoh kalimah bagi *hamzah qaṭ’* di pertengahan kalimah.

BIL	SITUASI	KALIMAH	KATEGORI
1	Didahului dengan Alif dan hamzah berbaris <i>fathah</i>	سَأَلُوا	Ditulis dengan rumah Alif.
2	Hamzah berbaris kasrah yang duduk selepas huruf yang berbaris <i>fathah</i> atau <i>dhommah</i>	سُئِلَتْ / بَيَّسُوا	Ditulis dengan rumah ya.
3	Hamzah <i>fathah</i> atau <i>dhommah</i> yang duduk selepas huruf yang berbaris <i>kasrah</i>	فَتَّةٌ تُقْتَلُ	
4	Hamzah berbaris <i>dhommah</i> yang duduk selepas huruf <i>fathah</i>	وَيَدْرُؤُ	Ditulis dengan rumah wau
5	Hamzah berbaris <i>fathah</i> yang duduk selepas huruf yang berbaris <i>dhommah</i>	مُؤَجَّلًا	
6	Hamzah berbaris <i>fathah</i> yang sebelumnya huruf alif	مَتَاب	Dibuang rumah hamzah
7	Hamzah yang berbaris <i>dhommah</i> sebelumnya huruf wau	بَدَءُكُمْ	
8	Hamzah yang berbaris <i>kasrah</i> sebelumnya huruf ya	بَيَّسٍ بِمَا	
9	Hamzah berbaris <i>fathah</i> yang didahului dengan baris <i>sukun</i> .	نِسَاءَكُمْ	
10	Hamzah yang berbaris <i>kasrah</i> atau <i>dhommah</i> yang didahului dengan <i>sukun</i>	قَائِمَةٌ	Dikekalkan rumah hamzah

6.1.3 Hamzah Qat' Di Akhir kalimat

Bagi yang berada di akhir kalimat, rumah hamzah akan ditulis berdasarkan kepada bentuk dan baris huruf yang terletak sebelumnya. Hal ini membawa maksud ditulis dengan rumah alif sekiranya sebelumnya baris *fathah*, rumah ya sebelumnya berbaris kasrah dan dengan rumah wau sebelumnya berbaris *dhammah*. Bukan itu sahaja, di dalam kategori ini juga, sekiranya hamzah tersebut didahului dengan tanda *sukun*, tanpa mengira baris hamzah, rumah hamzah akan dibuang (Hamid G. Q., 2016). Contohnya adalah seperti berikut :

I. Hamzah di akhir kalimat yang didahului dengan huruf sukun

Rajah 4: Contoh kalimat bagi *hamzah qat'* di akhir kalimat yang didahului dengan huruf sukun

BIL	KALIMAH	KATEGORI
1	دِفْءٌ	Hamzah di akhir kalimat yang didahului dengan huruf sukun akan dihapuskan rumah hamzah.
2	شَيْءٌ	
3	السَّمَاءُ	

II. Hamzah di akhir kalimat yang didahului dengan huruf yang berbaris

Rajah 5: Contoh kalimat bagi *hamzah qat'* di akhir kalimat yang didahului dengan huruf yang berbaris

BIL	KALIMAH	KATEGORI
1	قُرْبَى	Hamzah di akhir kalimat yang didahului dengan huruf yang berbaris akan ditulis berdasarkan kepada bentuk dan baris huruf yang terletak sebelumnya.
2	ذَرَأً	
3	لَوْلُو	

6.2 HAMZAH WAṢL

Hamzah wasal membawa maksud hamzah tambahan yang ditulis di awal kalimat dan disambungkan dengan huruf yang bertanda sukun selepasnya. (Awing, 2018). Kedudukannya adalah di permulaan kalimat (Syamsuddin, t.th). Hamzah wasal juga turut ditakrifkan sebagai huruf yang ditulis menggunakan huruf alif dan mempunyai tanda khusus iaitu huruf shod (ص) (Hamid G. Q., 2016). Secara asasnya hamzah wasal akan tetap akan ditulis bentuknya di dalam al-Quran kecuali pada lima keadaan iaitu (Aziz, t.th) :

Rajah 6: Lima keadaan digugurkan hamzah wasal dari penulisan

BIL	SITUASI	KALIMAH ASAL	DI DALAM RASMUTHMANI	KATEGORI
1	Hamzah wasal yang terletak di <i>fa' al-kalimah</i> didahului dengan huruf <i>fa'</i> atau <i>wau</i> dan huruf selepasnya <i>hamzah qat'</i>	وَأْتُوا الْبُيُوتَ فَأْتُوا حَرْثَكُمْ	وَأْتُوا الْبُيُوتَ فَأْتُوا حَرْثَكُمْ	Di hilangkan bentuk hamzah wasal
2	<i>Hamzah wasl</i> pada kalimah <i>سئل</i> yang duduk selepas huruf <i>wau</i> dan <i>fa'</i>	وَاسْئَلِ الْقَرْيَةَ	وَاسْئَلِ الْقَرْيَةَ	
3	<i>Hamzah wasl</i> yang terdapat pada <i>Lam al-Takrif</i> dan didahului dengan <i>Lam Harf Jar</i> dan <i>Lam al-Ibtida'</i>	لِ الْإِيمَانِ	لِ الْإِيمَانِ	
4	<i>Hamzah wasl</i> yang terletak selepas <i>hamzah istifham</i>	أَأَتَّخِذُكُمْ	أَتَّخِذُكُمْ	
5	<i>Hamzah wasl</i> yang terdapat pada <i>Ism Majrur</i> dan disandarkan kepada <i>Lafz al-Jalalah</i> didahului dengan huruf <i>Ba'</i>	بِ اسْمِ اللَّهِ	بِسْمِ اللَّهِ	

7.0 PENULISAN HURUF HAMZAH DI DALAM PENULISAN JAWI

Di dalam penulisan Jawi huruf Hamzah juga menjadi salah satu huruf yang mengalami proses asimilasi daripada huruf hijaiyyah. Penguunaan huruf hamzah di dalam penulisan Jawi adalah berbeza dengan penulisan hamzah yang diguna pakai di dalam mushaf Uthmani. Bukan itu sahaja kedudukan hamzah itu sendiri berbeza- beza bergantung kepada cara sebutan dan vocal huruf sebelumnya dengan menggunakan simbol ء di setiap penulisan. (Hamid R. A.).

7.1 JENIS HURUF HAMZAH DI DALAM PENULISAN JAWI

Penulisan hamzah yang telah dimurnikan dan menjadi pengamalan di dalam sistem Pendidikan Malaysia terdiri daripada hamzah dengan huruf alif, hamzah dibawah huruf alif, hamzah $\frac{3}{4}$ daripada garisan, hamzah setara dengan garisan dan hamzah berumah (Kementerian Pendidikan Malaysia, Buku Teks Pendidikan Islam KSSR Tahun 4, 2019). Berikut merupakan cupasannya :

7.1.1 HURUF HAMZAH DENGAN RUMAH ALIF

Hamzah yang mewakili vokal (aa) dan dimulakan pada ejaan kata dengan huruf alif, serta dahului dengan imbuhan konsonan *se*, *ke*, dan *di* akan ditulis dengan huruf alif.

**Rajah 7:** Contoh kalimat hamzah ditulis dengan huruf alif

BIL	SITUASI	KALIMAH ASAL	DI DALAM PENULISAN JAWI
1	Se + agama	أكام	سأكام
2	Ke + atas	أتس	كأتس
3	Di + isi	إسي	دأيسي

7.1.2 HURUF HAMZAH DI BAWAH ALIF

Hamzah yang mewakili vokal (ee) dan (e) pada kalimat Islam dan di dahului dengan konsonan **ke** , **di** akan ditulis di bawah huruf alif.

Rajah 8: Contoh kalimat hamzah ditulis di bawah huruf alif

BIL	SITUASI	KALIMAH ASAL	DI DALAM PENULISAN JAWI
1	Ke +Islam	ك + إسلام	كإسلامن
2	e-operasi	إي + افرسي	إي افرسي

7.1.3 HURUF HAMZAH ¾ DARIPADA GARISAN

Hamzah ¾ atau hamzah suku digunakan pada vokal gandingan yang bukan daripada Bahasa arab. Kedudukannya adalah ¾ daripada ketinggian huruf alif . namun begitu, saiznya masih lagi sama seperti saiz huruf lain. Berikut merupakan gandingan huruf vokal yang terlibat.

Rajah 9: Contoh kalimat hamzah ditulis ¾ daripada garisan

BIL	VOKAL TERLIBAT	KALIMAH	DI DALAM PENULISAN JAWI
1	a + u	La + uk	لاءوك
2	a + i	Ma + in	ماءين
3	u + i	Bu + ih	بوءيه

4	a + berakhir dengan an	Keada + an	كأداءن
5	u di akhiri dengan i	Melalu + i	ملالوئي
6	a di akhiri dengan i	Rasa + i	راساءي
7	vokal au dan ai	Au + dit Ai + sing	اعوديت اعيسينغ

7.1.4 HURUF HAMZAH SETARA DENGAN GARISAN

Hamzah setara membawa erti kedudukan hamzah yang selari dengan garisan seperti huruf- huruf yang lain. Penggunaan hamzah setara ini sering digunakan pada kalimah yang dipinjam daripada kalimah arab. Sebagai contoh:

Rajah 10: Contoh kalimah hamzah setara dengan garisan

BIL	KALIMAH	DI DALAM PENULISAN JAWI
1	Al-Quran	القرآن
2	Ikhfa'	اخفاء
3	Wudhuk	وضوء
4	Isyak	عشاء

7.1.5 HURUF HAMZAH YANG DIBERIKAN RUMAH

Hamzah yang ditulis rumahnya selalunya digunakan kepada kalimah-kalimah yang dipinjam bahasa selain bahasa melayu serta pada kalimah yang mempunyai bunyi **én** (e- pepet) didalam sebutannya.

Rajah 11: Contoh kalimah hamzah yang diberikan rumah

BIL	KALIMAH	DI DALAM PENULISAN JAWI
1	Tahniah	تَهْنِيئَه
2	Mukmin	مُؤْمِن
3	Frekuensi	فَرِيكُوئِنْسِي
4	Efisien	اَيْفِيْشِن



8.0 KESIMPULAN

Berdasarkan kajian pengkaji, penulisan hamzah sangatlah menarik untuk dikaji dan dibahaskan. Hal ini kerana perbezaan kaedah yang digunapakai semasa penulisan hamzah di dalam tulisan Jawi tidak cukup untuk memahami kaedah penulisan yang diterapkan di dalam penulisan RasmUthmani. Kesedaran untuk mengkaji kaedah hamzah di dalam penulisan RasmUthmani inilah yang mendorong pengkaji untuk mendalami dengan lebih lanjut aspek yang menjadi asas kepada bentuk rumah hamzah di dalam al-Quran. Bentuk hamzah yang digunakan di dalam penulisan Jawi lebih cenderung kepada bunyi sebutan ketika menyebut perkataan tersebut sedangkan penulisan hamzah di dalam RasmUthmani pula bergantung kepada kedudukan hamzah, baris hamzah dan baris huruf sebelumnya. Di harap kajian ini menjadi panduan dan titik tolak kepada penyelidikan yang lebih mendalam berkaitan al-hamzah.

RUJUKAN

- Ahmad Faisal bin Abdul Hamid, F. b. (2014). SEJARAH PERKEMBANGAN TULISAN JAWI: ANALISIS MENGENAI TEORI KANG KYOUNG SEOK. *Jurnal al-Tamaddun Bil 9*, 1-15.
- Ahmad, H. A. (2015). *Kaedah Pembelajaran Jawi Peringkat Asas*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan.
- al-Anṣārī, Z. b. (1998). *Fatḥ al-Wahhāb bi Syarḥ Manhaj al-Ṭullāb Syarah: al-Zahabi al-Syafi'i* (Vol. 2).
- al-Asmar, R. (t.th). *al-Marji'u fi al-Imla'*. Libenon.
- al-Dabba', A. M. (1999). *SAmir al-Talibin fi Rasam wa Dhabt Kitab al-Mubin*. Qaherah : Maktabah al-Azhar li al-Turath.
- 'Alī Ibn-Muḥammad an-Nūrī aṣ-Ṣafāqīsī, & M.-Ṣ.-N. (1974). *Tanbīh al-ġāfilīn wa-irṣād al-ġāhilīn 'ammā yaqa'u lahum min al-ḥaṭa'hāla tilāwatihim li-kitāb Allāh al-mubīn*.
- Arab League Educational, C. a. (1999). *al-Mu'jam al-Arabi al-asasi : lil-natiqin bi-al-Arabiyyah wa-muta'alimiha*. paris.
- as-Suyuti, J. (1897). *al-Itqan Fi Ulumil Quran* (Vol. Jilid 1). Beirut: al-Mamlakah al-Arabiah as-Suyutiah.
- Awing, M. E. (2018). *Hamzah Qat'i dan Hamzah Wasl dalam QS al-Baqarah*. Makassar: Universiti Islam Negeri (UIN) Alauddin.
- Aziz, S. A. (t.th). *Durus fi Qawaid al Imla*. Daurah al kitabah biduni al Akhta.
- Damrah, T. I. (2008). *Itba' al-athar fi qira'at Abi Ja'far min tariqi al-durrah wa-al-tibbiyah*. Thanta, Egypt: Dar al-Shahabah li al-Turath.
- El-Qadhi, A. F. (1999). *Sejarah Al-Quran (Ismail Mohd Hassan, Ed)*. Kuala Terengganu: Penerbitan Yayasan Islam Terengganu.
- Felza Zulhibri Abd Hamid, N. H. (2021, December). Huruf Hamzah : Sorotan aasal usul dan Latar Belakang. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 29.
- Ghani, A. R. (t.th). *Kaedah al-Hamz dalam penulisan al-Quran Rasm Uthmani*. Open University Malaysia (OUM).
- Hamid, G. Q. (2016). *Muyassar fi Ilm Resm Al-Mushaf a Dhabtuhu* (Vol. 8). Markaz Dirasah AL-Maklumat AL-Quraniah Bi Maahad Imam Syatibi.
- Hamid, R. A. (n.d.). *Klinik Web : Jenis-jenis hamzah*. Retrieved from Dewan Bahasa dan Pustaka: <http://klikweb.dbp.my/?p=16381>
- Ibn Khaldun, A. a.-R. (1957). *Tarikh Ibn Khaldun*. Lubnan : Dar al-Kitab al-Lubani.
- Jalil, A.-S. D. (2021, نوفمبر). Maratib al-Harakat fi Arabiyah. https://www.alarabiahconferences.org/wp-content/uploads/2019/04/conference_research-480327716-1527762392-2049.pdf, (pp. 1-22). Retrieved from ألقى الحركات بالترتيب هي: <https://arab1education.com/%d8%a3%d9%82%d9%88%d9%89-%d8%a7%d9%84%d8%ad%d8%b1%d9%83%d8%a7%d8%aa-%d8%a8%d8%a7%d9%84%d8%aa%d8%b1%d8%aa%d9%8a%d8%a8-%d9%87%d9%8a/>
- Kementerian Pendidikan Malaysia, B. (Buku Teks Pendidikan Islam KSSR Tahun 4, 2019). *Jawi - Kenali saya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.



- Latif, F. @. (2014). SEJARAH PERKEMBANGAN TULISAN JAWI:ANALISIS MENGENAI TEORI KANG KYOUNG SEOK. *Jurnal al-Tamaddun Bil 9 (2)*, 1-15.
- Lembaga Pengawasan Pelesenan Percetakan al-Quran. (Kementrian Dalam Negeri 2012). *Panduan Resm Uthmani* (Kelima ed.). (L. P. Urus setia Al-Quran, Ed.) Jalan Chan Sow Lin, Kuala Lumpur.: Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB).
- Muhaisin, M. S. (2012). *Irsyadul Thalibin fi Dhabtil kitab al-Mubin*. Qaherah: Maktabah Al-Azhariah lil Thurath.
- Mustafa, I. A.-Z.-Q.-N. (1960). *Al-Mu'jam al-Wasi*. Kaherah: Dar Al-Dakwah.
- Osman, S. H. (2019). Penggunaan Hamzah Alwasl dan Hamzah Alqat' dalam Kemahiran Menulis Pelajar Universiti. *Tinta Artikulasi Membina Ummah 5(1)*, 9-18.
- Rahimah Embong, F. K. (2019). pemerkasaaan Tulisan Jawi Dahulu dan kini. *International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 29-31.
- Shaghir, H. W. (2005). *Syeikh Ahmadal-Fatani Pemikir Agung Melayu dan Islam*. Kuala Lumpur: Persatuan Pengakajian Khazanah Klasik Nusantara & Khazaniah Fathaniah,.
- Syair, S. A.-M. (t.th). *Al-I'jaz al-Qurani fi al-Rasm al-Uthmani*. Beirut: Alam al-Kutub.
- Syamsuddin, I. (t.th). *Ashulu Tariqati li Ta'limi al-Imlai li kulli al-Marahilli* .